



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 JANUARI 2023 (SABTU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDN)**

14 JANUARI 2023 (SABTU)

Harga siling ayam turun

Oleh JAMILIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

ALORSETAR: Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula harga siling ayam di peringkat runcit dalam masa terdekat ekoran bekalan ayam segar di seluruh negara sudah pulih seperti sebelum ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat.

"Harga siling ayam standard setakat ini kekal RM9.40 tetapi saya melihat di seluruh negara hari ini ada syarikat bermurah hati menjual di bawah harga itu. Ada yang jual RM7.90 dan ada RM8.90 sekilogram (kg).

"Kerajaan sedang mengkaji balik (harga siling) dalam masa terdekat cuma tunggu masa sahaja. Itu juga nanti akan membantu rakyat untuk mendapatkan harga ayam yang lebih stabil," katanya selepas



SALAHUDDIN Ayub meninjau harga dan bekalan ayam ketika mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Alor Setar, semalam. - UTUSAN/JAMILIAH ABDULLAH

melawat ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat, di sini semalam.

Kerajaan menetapkan harga siling bagi ayam standard di pasaran pada RM9.40 sekilogram pada Ogos tahun lepas.

Mengulas lanjut, kata beliau, kementerian fokus untuk menangani isu kenaikan harga

terutama bahan mentah di pasaran dengan mengadakan kerjasama bersama pemain utama termasuk di peringkat pengeluaran dan pembekal.

"Dalam masa sebulan ini, saya mengadakan perjumpaan dengan pihak pembekal dan juga pihak yang menjual barang ini di peringkat pasar raya.

"Selepas ini, saya akan cuba pergi lebih jauh iaitu untuk pergi kepada pemain sebenar. Ada empat syarikat besar yang akan saya umumkan nanti. Saya akan terus kepada mereka. Jadi di peringkat pengeluaran ini, dari mana masalah ini berlaku, tunggu saya dapatkan fakta lebih lengkap," katanya.

Tambah beliau, kerjasama dengan pemain utama berkenaan juga diharap menjadi jalan penyelesaian terbaik untuk memastikan harga bahan berkenaan lebih stabil pada masa akan datang.

"Kita cuba mencari satu penyelesaian supaya rantai bahan itu keseluruhannya dapat kita perbaiki dan ini akan memberikan manfaat kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, katanya, walaupun bekalan ayam sudah stabil di bahagian utara tanah air namun KPDN mengarah semua pejabatnya tidak bertolak ansur dan terus memantau untuk memastikan kes putus atau kekurangan bekalan tidak berulang.

HARI : SABTU
TARIKH : 14/1/2023
M/SURAT : 2

Bekalan ayam makin pulih, kerajaan
kaji semula harga siling .

Nasional 2

Kerajaan teliti semula harga ayam

Langkah bantu ringan beban rakyat selepas bekalan semakin pulih

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kerajaan akan meneliti semula harga siling ayam susulan bekalan bahan mentah itu kini semakin pulih.

Menyatakan hal ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata ia bagi membantu pengguna

mendapatkan ayam pada harga lebih murah, berbanding harga siling RM9.40 sekilogram ketika ini.

"Kerajaan mengkaji untuk menyemak semula harga (siling ayam) dalam masa terdekat.

"Tetapi, saya lihat di seluruh negara pada hari ini, syarikat (pasar raya) bermurah hati untuk menjual di bawah harga siling (RM9.40). Ada yang jual pada harga RM7.90 sekilogram dan ada yang jual RM8.90 sekilogram.

"Saya berterima kasih kerana inisiatif mereka ini memberikan banyak ruang kepada rakyat untuk mendapatkan ayam pada harga lebih murah," katanya ketika ditemui selepas lawatan kerja ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, di sini, semalam.

Dapatkan fakta sebenar

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, pihaknya turut mengadakan kerjasama dengan peladang, pembekal dan penjual bagi memastikan tidak berlaku tudung jari membabitkan harga ayam.

Katanya, pertemuan dengan pemain sebenar industri itu sangat penting untuk mencari fakta sebenar mengenai rantaian bekalan bahan berkenaan.

"Ada empat syarikat besar yang akan saya umumkan nanti. Saya akan meneruskan kerjasama



Salahuddin (empat dari kanan) ketika melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, Alor Setar, semalam. (Foto Lugman Hakim Zubir)

ma ini secara terus kepada mereka.

"Saya akan dapatkan fakta lebih lengkap daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Ekonomi dan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Bila jumpa dengan empat pemain utama, saya harap kita dapat berunding dengan baik dan kita cuba mencari satu penye-

lesaian supaya rantai ini secara keseluruhan dapat kita perbaiki. Ini akan memberikan manfaat kepada rakyat untuk mendapat harga yang lebih stabil," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, walaupun bekalan ayam sudah stabil dan telur ayam semakin stabil, pihaknya tetap mengarahkan Pejabat KPDN negeri supaya tidak leka dan terus memantau serta memberi maklum balas supaya kes putus atau kurang bekalan barang keperluan utama itu tidak berulang.

HARI : **SABTU**
 TARikh : **14/1/2023**
 M/SURAT : **20**

SEMPENA TAHUN BAHARU CINA

Lapan barang di bawah skim harga maksimum

Alor Setar: Sebanyak lapan jenis barangan diwartakan dalam pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Tahun Baharu Cina 2023 yang akan berlangsung 15 hari berkuat kuasa dari 15 hingga 29 Januari nanti.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, lapan barang itu ikan bawal putih seberat 200 hingga 400 gram seekor, udang putih (antara 41 ekor hingga 60 ekor sekilogram) dan bawang putih dari China.

Selain itu, ubi kentang import (China), kobis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing), babi hidup yang kawalan di peringkat ladang sahaja, daging babi bahagian perut dan daging babi (daging dan lemak).



SALAHUDDIN (tengah) ketika melakukan tinjauan di sebuah pasar raya di Alor Setar. - Gambar NSTP/ILQMAN HAKIM ZUBIR

"Pihak penguat kuasa kita akan pantau dan kawal harga ini untuk tujuh hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan tujuh hari selepas perayaan," katanya pada sidang media di sebuah pasar raya di sini

kelmarin sebelum membuat tinjauan barang keperluan di situ.

Salahuddin berkata, harga maksimum di peringkat runcit yang ditetapkan bagi ikan bawal putih ialah RM42 sekilogram manakala udang

putih (RM39 sekilogram), bawang putih (RM8.50 sekilogram), ubi kentang (RM4 sekilogram), kubis bulat (RM4 sekilogram), babi hidup kawalan peringkat ladang sahaja (RM15 sekilogram), daging babi bahagian

perut (RM36 sekilogram) dan daging babi (daging dan lemak) RM25 sekilogram.

"Jadi saya harap tidak berlaku mana-mana peniaga ataupun premis yang didenda ataupun diambil tindakan oleh pihak berkuala...beri kerjasama supaya kita dapat beri sedikit kegembiraan kepada rakyat khususnya sekarang ini kita menghadapi isu kos sarawak," katanya.

Untuk rekod, mana-mana peniaga mela-kukan kesalahan dengan tidak mematuhi peraturan skim harga maksimum itu akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencabutan 2011.

Sementara itu, beliau berkata, bekalan telur mencu-

kupi di pasaran namun hasil tinjauan terutama selepas pelancaran Ops Terjah mendapat lokasi tertentu kekurangan bekalan telur itu.

Sehubungan itu, Salahuddin meminta pengguna membuat laporan terus jika menghadapi masalah bekalan itu.

"Sepanjang kita buat Ops Terjah ini, kelmarin saya dapat laporan di Jempol (tempat kekurangan bekalan telur), sebelum itu saya dapat laporan berlaku di Johor Bahru sebelum itu kita dapat laporan di sempadan Kedah."

"Jadi, saya minta pegawai penguat kuasa pemeriksa serta-merta dan perkara itu boleh diatasi segera," katanya.

Beri kerjasama supaya kita dapat beri sedikit kegembiraan kepada rakyat
Salahuddin

Ekoran bekalan bahan mentah kembali stabil

Harga siling ayam mentah dikaji semula

Oleh JAMILIAH ABDULLAH

ALOR SETAR — Harga siling ayam akan dikaji semula dalam masa dekat selepas bekalan bahan mentah kembali pulih ketika ini.

Kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, langkah itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup rakyat.

"Harga siling ayam standard setakat ini kekal RM9.40 tetapi saya melihat di seluruh negara ketika ini ada syarikat bermurah hati jual di bawah harga itu. Ada yang jual RM7.90 dan ada RM8.90 sekilogram (kg).

"Kerajaan sedang kaji balik (harga siling), cuma tunggu masa sahaja. Itu juga akan nanti bantu rakyat, Insya-Allah untuk dapatkan harga ayam yang lebih stabil kelak. Itu kita tengok nanti," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat dekat sini semalam.

Kerajaan menetapkan harga siling bagi ayam standard di pasaran pada RM9.40 sekilogram pada Ogos tahun lepas.

Mengulas lanjut kata beliau, kementerian fokus untuk menangani isu kenaikan harga terutama bahan mentah di pasaran dengan mengadakan kerjasama dengan pemain utama termasuk



SALAHUDDIN (tengah) meninjau harga ayam ketika mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Alor Setar semalam.

di peringkat pengeluaran dan pembekal.

"Dalam masa sebulan ini, memang saya mengadakan perjumpaan dengan pihak pembekal dan juga pihak yang menjual barang ini di peringkat pasar raya.

"Selepas ini saya akan cuba pergi lebih jauh iaitu untuk pergi kepada pemain sebenar. Ada empat syarikat besar yang akan saya umumkan nanti. Saya akan terus

kepada mereka," katanya.

Tambah beliau, kerjasama dengan pemain utama juga diharap menjadi jalan penyelesaian terbaik untuk memastikan harga bahan berkennaan lebih stabil pada masa akan datang.

"Kita cuba mencari satu penyelesaian supaya rantai bahan itu keseluruhannya dapat kita perbaiki dan ini akan memberikan manfaat kepada rakyat," katanya.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **SABTU**
TARIKH : **14/1/2023**
M/SURAT : **16**

| Senarai Harga Barang Keperluan | | | |
|--------------------------------|----------------|----------------------|----------------|
| Ayam | RM7.99 | Telur Gred A. | RM13.50 |
| Daging Lembu Tempatan | RM44.29 | Ikan Kembung | RM15.99 |
| Daging Lembu Import | RM63.90 | Minyak Masak | RM6.90 |
| Gula Pasir | RM2.85 | Bawang Besar Holland | RM3.99 |
| Bawang Putih | RM4.88 | Cili Merah | RM9.49 |
| | | Kubis Bulat Tempatan | RM3.99 |
| | | Tepung Candum | RM3.35 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : SABTU
TARIKH : 14/1/2023
M/SURAT : 1



Beberapa pasar raya besar sudah mula promosikan kempen itu bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Penglibatan beberapa pasar raya besar dalam Kempen Inisiatif Payung Rahmah yang dikenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) diharap mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan miskin tegar dan B40. Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pasar

raya besar seperti Econsave, Mydin dan Lotus sudah giat mempromosikan Jualan Rahmah dan menurunkan harga barang daripada tiga peratus sehingga 30 peratus.

"(Kos sara hidup) tidak boleh selesai dalam semalam. Ia memerlukan satu tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang.

"Kita memang memfokuskan pada golongan miskin tegar, B40, itu yang paling bawah sekali dahulu. Jadi ini adalah usaha jangka pendek kita," katanya. Beliau berkata demikian mengulas laporan muka depan *Sinar Harian* pada Jumaat berhubung kenaikan harga barang

makanan saban tahun menyaksikan kuasa beli pengguna semakin kecil sehinggakan wang RM100 tidak dapat membeli barang dalam kuantiti banyak seperti dahulu.

Terdahulu, Salahuddin melancarkan Tabung Ihya Ramadan 2023 dan mengimamkan solat Jumaat di Masjid Al Ummah Telok Chengai, Kuala Kedah.

Jelas beliau lagi, bagi pelan jangka masa sederhana dan panjang pula, KPDN menunggu

langkah seterusnya yang akan diusahakan oleh Kementerian Ekonomi di bawah menteriannya, Mohd Rafizi Ramli.

"Kementerian ini tidak boleh bersendirian dan memerlukan sokongan daripada kementerian lain untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat di Malaysia.

"Jadi pelan jangka panjang itu kita kena bersabar dulu kerana ada benda yang kita buat tidak nampak hasil sekarang

tapi ada benda yang boleh kita buat sekarang antaranya Inisiatif Payung Rahmah," kata beliau.

Tambahnya, sebuah jawatankuasa pelaksanaan dan pemantauan kos sara hidup yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi juga telah dibentuk bagi memastikan usaha kerajaan meringankan beban rakyat dapat dilakukan secara berterusan.



Salahuddin (kiri) sebelum melancarkan Tabung Ihya Ramadan 2023 di Masjid Al Ummah Telok Chengai, Kuala Kedah pada Jumaat.



Laporan
*Sinar
Harian*
pada
Jumaat.

29,000 litres of subsidised diesel seized in Sabah

Smuggled goods:
Enforcement officers inspecting the skid tanks where the misappropriated diesel was stored.



KOTA KINABALU: Enforcement authorities seized 29,000 litres of subsidised diesel in an operation in Tuaran, 35km from here.

Personnel from the district Domestic Trade and Cost of Living Ministry unit also detained two locals at an unnumbered storage facility in Kampung Lok Batil at 10.30am on Thursday.

Enforcement chief Saripuddin Moleng said his men raided the facility after staking out the place for a week.

He said the diesel was stored in

several skid tanks, adding that an electronic pump was also seized.

"The diesel and the other seized items are valued at RM107,000. The two suspects, who we believe were working there, told us the diesel was obtained through legitimate industry diesel suppliers," he said.

Saripuddin said the men, however, could not show proof that the diesel was allowed to be stored there.

The case is being investigated under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961.

The case will also be probed under Section 20(1) of the same Act for storing goods at a location without approval by the authorities.

Under the Control of Supplies Act 1961 (Act 122), those convicted can be fined a maximum RM1mil, while any subsequent offence can lead to a fine of up to RM3mil, three years' jail or both.

As for companies, Saripuddin said offenders could be subjected to a maximum fine of RM2mil, and a maximum RM5mil fine for subsequent offences.

He warned that the ministry would not hesitate to suspend the licences of petrol stations suspected of being involved in abuses.

Saripuddin urged those with information on such activities to report the matter to the ministry via WhatsApp at 019-279 4317 or 019-848 8000, calling 1-800 886 800 or the Enforcement Command Centre at 03-8882 6088/6245.

The public may also file complaints through e-aduan.kpdnhep.gov.my or email e-aduan@kpdnhep.gov.my.

| BERITA ONLINE BERTARIKH 14 JANUARI 2023 | | | |
|---|---|---|-----------------|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 14-Jan | KPDN Penetapan Harga Siling Ayam Dikaji Semula | https://youtu.be/UzfKzfdrh8A | BULETINTV3 |
| 14-Jan | 14 JANUARI 2023 – BERITA PAGI – KPDN KAJI HARGA SILING AYAM | https://youtu.be/rlhCXzsJLNA | BERITARTM |
| 14-Jan | Kerajaan akan kaji semula harga siling ayam - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-akan-kaji-semula-harga-siling-ayam-salahuddin-401750%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 14-Jan | KPDN: Chicken ceiling price to be reviewed | https://www.theborneopost.com/2023/01/13/kpdn-chicken-ceiling-price-to-be-reviewed/ | THEBORNEOPOST |
| 14-Jan | Govt to review chicken ceiling price | https://selangorjurnal.my/2023/01/govt-to-review-chicken-ceiling-price/ | SELANGORJOURNAL |
| 14-Jan | Bekalan ayam pulih, harga siling dikaji semula - Salahuddin | https://m.malaysiakini.com/news/651471 | MALAYSIAKINI |
| 14-Jan | Kerajaan M'sia akan kaji semula harga bumbung ayam | https://berita.mediacorp.sg/dunia/kerajaan-msia-akan-kaji-semula-harga-bumbung-ayam-724131 | BERITAMEDIACORP |
| 14-Jan | Bekalan ayam pulih, kerajaan sedia kaji semula harga siling | https://wartaoriental.com/2023/01/13/bekalan-ayam-pulih-kerajaan-sedia-kaji-semula-harga-siling/ | WARTAOREINTAL |
| 14-Jan | Kerajaan akan kaji semula harga siling ayam - Salahuddin | https://www.bernama.com/bm//news.php?id=2155935 | BERNAMA |
| 14-Jan | Govt to review chicken ceiling price | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2155950 | BERNAMA |
| 14-Jan | Ministry to meet main players in reviewing ceiling price for chicken | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/01/869950/ministry-meet-main-players-reviewing-ceiling-price-chicken | NST |
| 14-Jan | Govt to review chicken ceiling price — minister | https://www.theedgemarkets.com/node/651675 | THEEDGE MARKETS |
| 14-Jan | Govt to review chicken ceiling price: Salahuddin | https://www.thevibes.com/articles/business/82703/govt-to-review-chicken-ceiling-price-salahuddin | THEVIBES |
| 14-Jan | KERAJAAN KAJI SEMULA HARGA SILING AYAM | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1051486/kerajaan-kaji-semula-harga-siling-ayam | BH |
| 14-Jan | KPDN S'wak will not hesitate to act on profiteers | https://www.theborneopost.com/2023/01/13/kpdn-swak-will-not-hesitate-to-act-on-profiteers/ | THEBORNEOPOST |
| 14-Jan | Pasar raya turunkan harga, bantu kurangkan kos sara hidup | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/240421 | SH |
| 14-Jan | 29,000 litres of subsidised diesel seized in Sabah | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/01/14/29000-litres-of-subsidised-diesel-seized-in-sabah | THESTAR |
| 14-Jan | KDN umum tiga inisiatif pengurangan kompaun – SSM | https://malaysiagazette.com/2023/01/13/kdn-umum-tiga-inisiatif-pengurangan-kompaun-ssm/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 14-Jan | KPDN Umum Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2023 | https://siakapkeli.my/2023/01/13/kpdn-umum-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-shmmp-tahun-baru-cina-2023/ | SIAKAPKELI |

| | | | |
|--------|--|---|-----------------|
| 14-Jan | Kenaikan harga barang tuntut manusia sabar, bertaubat | https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2022/09/1005633/kenaikan-harga-barangan-tuntut-manusia-sabar-bertaubat#.Y8JT7HijUfY.whatsapp | BH |
| 14-Jan | No egg shortage in Melaka following import of supply from India | https://www.thesundaily.my/local/no-egg-shortage-in-melaka-following-import-of-supply-from-india-IM1049981 | THESUNDAILY |
| 14-Jan | Bekalan telur di Melaka pulih | https://malaysiagazette.com/2023/01/14/bekalan-telur-di-melaka-pulih/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 14-Jan | Bekalan telur ayam di Melaka pulih | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1051706/bekalan-telur-ayam-di-melaka-pulih | BH |
| 14-Jan | FAMA terima 51,000 telur untuk diedarkan di Pahang | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/925628/fama-terima-51000-telur-untuk-diedarkan-di-pahang | HM |
| 14-Jan | Bekalan telur ayam di Melaka pulih susulan kemasukan telur import | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2156134 | BERNAMA |
| 14-Jan | Wee: KPDN price control for CNY food items 'out of sync' with market price | https://www.theborneopost.com/2023/01/14/wee-kpdn-price-control-for-cny-food-items-out-of-sync-with-market-price/ | THEBORNEOPOST |